

Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Mata Pelajaran	PENDIDIKAN SAINS SOSIAL DAN ALAM SEKITAR	Sasaran	4 PKKS KARISMA
Tarikh	24 Jun 2021	Masa	9.00-10.00 pagi
Tajuk	Unit 6 : Kelestarian 6.1 Kitar Semula Bahan Buangan Aluminium		
Standard Pembelajaran	6.1.1 Bahan Buangan Daripada Aluminium 6.1.2 Produk Kitar Semula Bahan Buangan Daripada Aluminium		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1. Menyatakan maksud lestari 2. Menyenaraikan 4 dari 8 bahan buangan daripada aluminium 3. Menyatakan 3 dari 6 proses kitar semula		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk link buku teks digital untuk memudahkan pemahaman 1. https://drive.google.com/file/d/1JBkuXPP2Nkxth1QiYilB2vwUSU21tPKh/view?usp=drivesdk 2. Murid membaca arahan yang diberikan oleh guru dan klik pada pautan pembelajaran yang diberikan. 3. Murid meneliti sumber pembelajaran dan cuba menjawab soalan yang diberikan. 4. Murid dapat menyatakan kepentingan maksud lestari dan menyenaraikan bahan buangan serta proses kitar semula bahan buangan daripada aluminium 5. Murid-murid diminta untuk menjawab soalan melalui latihan interaktif di Liveworksheet.		
Latihan	1. Sila jawab latihan interatif yang diberikan 2. 'Screenshot' paparan markah yang diperolehi melalui latihan interaktif dan hantar kepada guru untuk direkodkan (jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugasan yang diberikan		

UNIT 6 : KELESTARIAN

6.1 : KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN ALUMINIUM



Unit 6

KELESTARIAN

Lestari bermaksud kekal dan tidak berubah. Manakala, kelestarian alam sekitar dikaitkan dengan tanggungjawab untuk melindungi dan mengekalkan keindahan flora dan fauna. Melindungi alam sekitar dapat mengurangkan pencemaran. Hal ini menjamin dunia pada masa akan datang masih baik dan selamat untuk generasi seterusnya.

96

6.1.1 : BAHAN BUANGAN DARIPADA ALUMINIUM



6.1 KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN ALUMINIUM

Bahan buangan daripada aluminium mempunyai nilai yang tinggi dalam pasaran. Mengumpul bahan buangan yang diperbuat daripada aluminium mampu menjadi sumber pendapatan. Selain itu, kebersihan kawasan sekitar juga terjamin.

6.1.1 Bahan Buangan daripada Aluminium

Bahan buangan daripada aluminium yang mudah ditemui di sekeliling kita adalah seperti berikut:



Tin makanan



Tin minuman



Tin susu



Tin makanan haiwan



Bekas makanan aluminium



Kerajang aluminium



Penutup botol minuman



Botol aerosol



Sudu dan garpu



Kuali



Periuk

Ciri-ciri
Barang
Aluminium

- Ringan
- Tidak mudah berkarat
- Tahan lasak
- Konduktor haba yang baik
- Tidak mempunyai bau
- Berwarna putih keperakan
- Tidak bermagnet

LATIHAN 1

Berdasarkan gambar di bawah , senaraikan nama bahan buangan daripada aluminium.



1.	
2.	
3.	
4.	

Apakah maksud lestari?

6.1.2 : Produk Kitar Semula Bahan Buangan Daripada Aluminium

6.1.2 Produk Kitar Semula Bahan Buangan daripada Aluminium

Tahukah anda bagaimana produk kitar semula bahan buangan daripada aluminium dihasilkan? Lihat rajah di bawah untuk mengetahui lebih lanjut tentang proses penghasilan produk ini.



Latihan 2

1. Nomborkan gambar di bawah mengikut urutan proses kitar semula yang betul.



2. Jawab soalan berikut berdasarkan proses kitar semula bahan buangan daripada aluminium.
- a. Apakah nama blok yang terhasil daripada cecair aluminium?

- b. Apakah proses pertama mengitar semula bahan buangan daripada aluminium?

- c. Senaraikan tiga jenis barangan aluminium yang dihasilkan daripada proses kitar semula.
- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

_Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi. Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya.....**TANIAH**



PDPR
14.6.2021 –
16.7.2021

Adab-Adab
semasa PDPR

- ✓ Buat persediaan
- ✓ Baca doa belajar
- ✓ Beri tumpuan
- ✓ Memberi respon
- ✓ Berterima kasih